

Harian Metro (Timur) 11/2/19 (Isnin) ms: 31



PENGUNJUNG diberi penerangan menjaga kesihatan pada program *Jom Sihat Wehh* bersama masyarakat kampung di KP House Kuala Pahang.

Pekan

KP House anjur pelbagai aktiviti di perkampungan nelayan

Kuala Pahang House atau lebih dikenali sebagai KP House menjadi pusat sehati terpenting masyarakat di perkampungan nelayan Kuala Pahang mengadakan pelbagai aktiviti.

KP House yang dipulihara **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** pada asalnya sebuah rumah usang dan terbiar sebelum dibangunkan semula.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor

Datuk Dr Yuserrie Zainuddin berkata, setiap bulan pihaknya akan mengadakan pelbagai program kesedaran dan pemeriksaan kesihatan percuma di KP House.

“Setiap hujung minggu, kita adakan Program Kumpulan Interaktif anjuran Kelab InSmartive dan UMP Advanced Education bagi memupuk minat pelajar sekolah dalam mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik,” katanya.